

Miliki kemahiran insaniah dan nilai jati diri yang tinggi

Graduan UniKL BMI pilihan majikan

Oleh ROSMAWATI MION

MENDAPATKAN pekerjaan bagi menyara kehidupan sendiri dan keluarga adalah harapan tinggi setiap graduan yang baru menamatkan pengajian.

Bagaimanapun, bukan mudah mahu menambat perhatian majikan jika graduan tidak mempunyai kelebihan diri yang boleh dibanggakan.

Apakah lagi, kini wujudnya persaingan bukan setakat perlu bersaing dengan sesama sendiri, tetapi juga bersaing dengan mereka yang sudah berpengalaman kerana mahu menukar kerjaya.


Sungguhpun begitu, masalah sebegini tidak dirasai graduan Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL BMI). Kelebihan yang terdapat graduan UniKL BMI membuatkan mereka berjaya mendapat pekerjaan sejurus menamatkan pengajian masing-masing.

Bagi Rina Eryssa Mohd. Yazah, 25, UniKL BMI adalah pilihan tepat untuknya kerana institusi pengajian tinggi (IPT) itu tidak hanya menumpukan kepada teori semata-mata sebaliknya diseimbangkan dengan latihan praktikal.

Katanya, pelajar-pelajar UniKL BMI bukan sahaja dide dahul dengan pembelajaran di dalam kuliah tetapi turut memastikan mereka diajar tentang teknik, teknologi dan amalan industri sebenar.

Rina Eryssa memilih UniKL BMI sebaik pulang ke tanah air selepas lebih empat tahun menetap di Australia kerana mengikut bapanya yang menyambung pengajian di sana. Dia yang dahulunya menuntut di Swinburne University, Australia menyambung semula pengajian di universiti itu dengan melakukan pindahan kredit.

Katanya, tidak rugi dia memilih UniKL BMI kerana banyak kelebihan yang diper-



SEBAGAI pekerja baharu, Mohammad Syazwan Sahid (tengah) tidak malu untuk bertanya dengan rakan sekerjanya yang lebih berpengalaman.

oleh. Antaranya, graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik Perubatan ini tidak perlu menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan pekerjaan sebaiknya banyak menerima tawaran sebaik tamat pengajian pada bulan Disember 2013.

"Saya bersyukur memasuki UniKL BMI. Banyak ilmu yang diperoleh di universiti ini. Lebih penting, pendekatan pembelajaran yang diketengahkan membuatkan graduan UniKL BMI lebih mudah mendapat pekerjaan sebaik tamat pengajian."

"Saya sendiri tidak perlu menunggu terlalu lama untuk mendapat kerja. Sebaik tamat pengajian, banyak peluang diterima tetapi saya terpikat untuk bekerja di Next Level Technologies Sdn. Bhd. (Next Level Technologies)," katanya yang bekerja sebagai Eksekutif Teknikal di syarikat tersebut.



RINA Eryssa Mohd. Yazah (dua kiri) dan Mohammad Syazwan Sahid (kiri) menceritakan pengalaman pertamanya dalam dunia pekerjaan kepada Timbalan Presiden Pembangunan Mahasiswa dan Gaya Hidup Kampus UniKL, Prof. Dr. Khalairum Subari (kanan).

Utusan Malaysia
Saturday 16/8/2014

► INFO

Program yang ditawarkan UniKL BMI

Program ijazah

Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kejuruteraan (Kepujian) - Elektrikal
Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kejuruteraan (Kepujian) - Elektronik
Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kejuruteraan (Kepujian) - Komunikasi Data
Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kejuruteraan (Kepujian) - Elektronik
Kejuruteraan (Kepujian) - Elektronik
Perubatan

Program Diploma

Diploma Teknologi Kejuruteraan
(Elektrikal dan Elektronik)
Diploma Teknologi Kejuruteraan
(Telekomunikasi)
Diploma Teknologi Kejuruteraan
(Elektronik Perubatan)

dalam pembelajaran menjadikan UniKL BMI cukup istimewa dan berbeza berbanding IPT yang lain.

"Itu juga antara sebab utama saya memilih untuk memasuki UniKL BMI. Keseimbangan antara teori dan praktikal membuatkan graduaninya tampil lebih yakin apabila menghadiri temuduga."

"Lebih-lebih lagi, syarikat atau majikan kini tidak lagi memandang kepada gred kelulusan yang diperoleh pelajar ketika mencari pekerjaan bersesuaian. Sebaliknya, mereka inginkan seseorang yang mampu melakukan kerja dengan baik," kata graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) Komunikasi Data.

Tambah Mohammad Syazwan, biarpun banyak graduan tampil cemerlang dan mampu melakukan kerja dengan baik, tetapi kebanyakannya syarikat atau majikan lebih mengutamakan mereka yang berpengalaman.

Cuma katanya, graduan UniKL BMI boleh dikategorikan sebagai mereka yang berpengalaman kerana mereka telah dide dedahkan dengan latihan dan teknik seperti yang dipraktikkan dalam industri sebenar.

"UniKL BMI telah memainkan peranan yang dalam membentuk dan melahirkan pelajar yang mempunyai kelebihan dan aura tersendiri bagi memenuhi kehendak industri. Kini, terpulang kepada pelajar itu sendiri untuk mengetengahkan diri mereka selepas tamat pengajian," kata anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Séerti juga rakannya, Mohammad Syazwan turut bertuah apabila mendapat pekerjaan sejurus tamat pengajian pada bulan Disember tahun lalu. Dia yang menjalani latihan praktikal di Gamuda Berhad terus ditawarkan bekerja di syarikat tersebut sebagai Eksekutif Teknologi Maklumat.

Katanya, tawaran yang diterima itu sukar dilepaskan kerana banyak pengetahuan dan pengalaman yang boleh diperoleh sekiranya memilih untuk bekerja di syarikat tersebut.

"Pekerja-pekerja baharu seperti saya akan diberikan lebih pendekahan dan praktikal dalam bidang Teknologi Maklumat malah turut berpeluang untuk mendalami bidang-bidang lain yang berkaitan."

"Banyak perkara yang perlu saya pelajari. Namun, untuk menjadi insan yang cemerlang dan sempurna, seseorang itu perlu terus menimba ilmu dan pengalaman kerana pembelajaran itu sebenarnya adalah sepanjang hayat," katanya.

but.

Rina Eryssa mula bekerja pada awal bulan Februari 2014 iaitu hanya sebulan mengganggu selepas tamat pengajian pada bulan Disember 2013.

Bagaimanapun kata Rina Eryssa, setiap graduan juga perlu mempunyai perancangan masa depan. Mereka perlu memikirkan tentang hala tuju masa depan dan kerjaya sebelum mereka tamat pengajian, seterusnya merancang apa yang perlu dilakukan untuk memastikan mereka tidak menganggur terlalu lama.

"Itulah juga yang saya lakukan. Sebab itu, saya memilih bekerja di Next Level Technologies, biarpun ia sebuah syarikat kecil.

"Di syarikat ini, saya dapat belajar banyak perkara. Malah, apa yang saya pelajari di universiti juga diaplikasikan dalam pekerjaan seperti teori berkaitan elektronik dan inovasi pengurusan klinikal."

"Lebih seronok, majikan memberi peluang kepada pekerja untuk mengetengahkan idea mereka dan berpendapat generasi muda mampu memberikan idea-idea baru untuk kemajuan syarikat seperti mencipta alatan baharu untuk perubatan," katanya yang telah disahkan jawatan tersebut dalam tempoh yang singkat iaitu sebulan.

Kata Rina Eryssa, kursus yang diikutiinya itu mempunyai ruang likup yang luas dalam kerjaya bukan hanya menjadi jurutera tetapi juga perunding, pemberi latihan dan sebagainya.

Pendekatan hands-on

UniKL BMI sememangnya menekankan kepada keseimbangan dalam pendidikan dan langkah itu telah mampu melahirkan pelajar berketrampilan dan berupaya memenuhi keperluan dan pasaran pekerjaan.

Menurut Mohammad Syazwan Sahid, 25, pendekatan hands-on yang diterapkan